



MOHAMAD Pajeri (kanan) menunjukkan tong LPG yang dirampas dalam operasi di kawasan Parit, Batu 3 di Sandakan.

Gagal seleweng 31 tong gas LPG

Sandakan: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya menahan seorang lelaki bersama 31 tong gas petroleum cecair (LPG) dipercayai untuk diselewengkan dalam satu operasi di kawasan parit, Batu 3 di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 11.30 pagi itu, lelaki berusia 46 tahun terbabit dilihat memunggah tong gas LPG dalam keadaan mencurigakan.

Sebaik diperiksa, lelaki terbabit gagal mengemukakan dokumen kebenaran untuk menguruskan barang bersubsidi berkenaan.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, operasi pemeriksaan dilancarkan hasil risikan dan

pemantauan Unit Risik Marin (URM).

Katanya, operasi itu dijalankan bagi mengenal pasti kegiatan penjualan gas LPG tanpa permisi di sekitar kawasan persisir pantai Sandakan.

"Hasil pemantauan mendapati seorang lelaki di kawasan Parit Batu 3 itu dalam keadaan mencurigakan bersama 31 tong gas LPG yang disyaki hendak diselewengkan.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, suspek terbabit gagal mengemukakan dokumen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang membolehkan sebarang transaksi penjualan, penyimpanan dan pemindahan tong

Gas LPG dijalankan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamad berkata, suspek dan barang kes kemudian dibawa ke Pangkalan Markas Operasi PPM Sandakan untuk tindakan lanjut.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM7,750 berdasarkan harga pasaran semasa.

"Kes diserahkan kepada KPDNHEP dan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda RM1 juta dan penjara tiga tahun untuk perseorangan," katanya.